0152
U 8800 AAB
MAHATHIR
DARIPADA AHMAD REJAL ARBEE (ULANGAN DAN PEMBETULAN PARA LIMA)

LONDON, 26 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DIJANGKA MEMANDATANGANI SUATU MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN PUAN MARGARET THATCHER SELASA INI BAGI MEMBOLEHKAN MALAYSIA MEMBELI BEBERAPA KELENGKAPAN PERTAHANAN MODEN BERNILAI SEHINGGA SERIBU JUTA STERLING.

PEMBELIAN ITU YANG TERMASUK JET-JET PEJUANG SERTA KELENGKAPAN-KELENGKAPAN LAIN UNTUK KETIGA-TIGA ANGKATAN DARAT, UDARA DAN LAUT AKAN DIJELASKAN DENGAN MINYAK DAN BARANGAN KELUARAN MALAYSIA YANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA MENGESAHKAN PERKARA INI KEPADA WARTAWAN MALAYSIA DI SINI PETANG INI BERKATA BELIAU AKAN MEMBINCANG MENGENAI PEMBELIAN ITU DENGAN PERDANA MENTERI BRITAIN PUAN THATCHER DALAM PERJUMPAAN MEREKA DI DOWNING STREET ESOK.

DR MAHATHIR JUGA AKAN MENIMBULKAN USAHA UNTUK MENDAPATKAN PENDARATAN LEBIH UNTUK PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) DI LONDON. PERBINCANGAN ANTARA MAS DAN BRITISH AIRWAYS TELAH TERBUNTU.

DR MAHATHIR BERKATA KELENGKAPAN ITU ADALAH UNTUK MENGGANTI SERTA MELENGKAPKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DENGAN PERALATAN MODEN BAGI MEMBOLEHKANNYA MEMPERTAHANKAN DI PERAIRAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF NEGARA DARIPADA SEGALA PENCEROBOHAN DENGAN LEBIH BERKESAN. -- LAGI
1032MST 26 09 88

0138
U 8785 AAB
MAHATHIR 2 LONDON

BELIAU BERKATA MEMORANDUM YANG AKAN DITANDATANGANINYA SELASA INI BUKAN BERUPA SUATU PERJANJIAN KHUSUS TETAPI LEBIH MERUPAKAN SUATU PENGAKUAN TENTANG BEBERAPA RANCANGAN PEMBELIAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA BRITAIN.

PEMBELIAN ITU JUGA TIDAK DILAKUKAN SEKALI GUS TETAPI AKAN MENGAMBIL MASA MUNGKIN SEHINGGA 10 TAHUN DENGAN BAYARAN DIBUAT SETIAP KALI TEMPAHAN DIBUAT.

OLEH KERANA PEMBELIAN DILAKUKAN SECARA +COUNTER TRADE+ PEMBAYARAN KEBANYAKANNYA DIBUAT DENGAN BEKALAN MINYAK DAN JUGA DENGAN BARANGAN LAIN KELUARAN NEGARA. PERUNTUKAN WANG TIDAK AKAN DIBUAT DALAM ANGGARAN BELANJAWAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN MEMORANDUM ITU DITANDATANGANI KELAK IA TIDAK MENGIKAT NEGARA MEMBELI APA SAJA KELENGKAPAN. APA-APA PEMBELIAN AKAN BERGANTUNG KEPADA RUNDINGAN YANG AKAN DIADAKAN KEMUDIAN KELAK.

DEMIKIAN JUGA MEMORANDUM ITU TIDAK MENGIKAT MALAYSIA MEMBELI HANYA DARI BRITAIN. +KITA BOLEH BELI DARI NEGARA-NEGARA LAIN.+

PERDANA MENTERI BERKATA RUNDINGAN UNTUK MEMBELI KELENGKAPAN PERTAHANAN ITU DIADAKAN SEMASA LAWATANNYA KE BRITAIN TAHUN LALU DAN DIADAKAN KERANA CARA PEMBAYARAN YANG DICADANGKAN OLEH BRITAIN AMAT MENARIK. -- LAGI
1003MST 26 09 88

0139
U 8786 AAB
MAHATHIR 3 LONDON

ANTARA KELENGKAPAN YANG DISEBUT-SEBUT AKAN DITAWARKAN TERMASUK JET PEJUANG TORNADO YANG DIBENA OLEH SATU KONSORTIUM BRITAIN-JERMAN-ITALI. DEMIKIAN JUGA BRITAIN ADA MENAWARKAN KAPAL SELAM SERTA BEBERAPA SISTEM PERTAHANAN UDARA DAN KELENGKAPAN UNTUK TENTERA DARAT.

DR MAHATHIR TELAH DIBAWA MELAWAT DAN MENAIKI KAPAL SELAM DIPENGKALAN LAUT BRITAIN SERTA BEBERAPA PENGKALAN PERTAHANAN DI SINI.

SEBELUM INI MALAYSIA DIKATAKAN TELAH DITAWARKAN JET PEJUANG F-16 UNTUK MENGGANTIKAN JET-JET PEJUANG TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM) YANG BEROPERASI SEKARANG YANG DIKATAKAN SUDAH USANG.

JUGA DISEBUT-SEBUT JET F-16 YANG DITAWARKAN KEPADA MALAYSIA TIDAK SETARAF KEMAMPUANNYA DENGAN JET F-16 YANG AMERIKA SYARIKAT TELAH BERSETUJU JUAL KEPADA SINGAPURA.

MENJAWAB BEBERAPA PERTANYAAN DARIPADA WARTAWAN, DR MAHATHIR BERKATA ALAT-ALAT PERTAHANAN MODEN PERLU DIBEKALKAN KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA UNTUK MENINGKATKAN POTENSI PERTAHANAN NEGARA DARIPADA DISERANG.

NEGARA TIDAK BOLEH LARI DARIPADA MEMPUNYAI KEBOLEHAN UNTUK MEMPERTAHANKAN DIRI SEKURANG-KURANGNYA DARIPADA SERANGAN AWAL. -- LAGI
1003MST 26 09 88

0140
U 8787 AAB
MAHATHIR 4 LONDON

DEMIKIAN JUGA KEBOLEHAN MINIMA INI PERLU ADA WALAUPUN NEGARA BERPEGANG KEPADA CARA MENYELESAIKAN APA SAJA MASAALAH DENGAN NEGARA LAIN MELALUI RUNDINGAN, KATANYA.

DR MAHATHIR MENAMBAH KATA: +PESAWAT TERBANG KITA SUDAH AGAK TUA. KITA HARUS MEMPUNYAI PESAWAT TERBANG YANG MODEN. KALAU KITA TERUS MEMPUNYAI PESAWAT YANG SUDAH LAMA LEBIH BAIK TIDAK ADA LANGSUNG.

+KITA JUGA MESTI MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK MENGHADAPI SEBARANG PENCEROBOHAN PERAIRAN NEGARA. ORANG BUKAN HENDAK SERANG KITA ATAU HENDAK TAWAN KITA TETAPI MEMANG TERDAPAT PENCEROBOHAN KAWASAN KITA, DAN SETIAP PENCEROBOHAN PERLU DIAWASI DAN DIHADAPI.+

BELIAU MENERANGKAN BAHAWA BUTIR-BUTIR BAYARAN PEMBELIAN ITU JUGA AKAN DIRUNDINGKAN DENGAN LEBIH LANJUT. PEMBELIAN KELENGKAPAN ITU JUGA BERGANTUNG KEPADA HARGA YANG AKAN DIRUNDINGKAN.

PERDANA MENTERI PAGI KELMARIN TELAH MENEMUI DAN BERDIALOG DENGAN LEBIH 300 ORANG PELAJAR DI MALAYSIA HALL DI SINI. BELIAU TELAH MENJAWAB BERBAGAI-BAGAI SOALAN MENGENAI PERGOLAKAN YANG BERLAKU DI NEGARA SEKARANG TERMASUK SOAL CARA PIMPINANNYA, PERGOLAKAN DALAM UMNO DAN POLITIK NEGARA, PENGANGGURAN SISWAZAH SERTA ELAUN UNTUK PARA PELAJAR DI LUAR NEGERI. -- LAGI
1007MST 26 09 88

0141
U 8788 AAB
MAHATHIR 5 LONDON

BELIAU MENGHABISKAN MASA HAMPIR TIGA JAM BERSOAL JAWAB DENGAN PARA PELAJAR DAN INI DIIKUTI DENGAN JAMUAN MAKAN TENGAH HARI.

YANG TURUT HADIR PADA PERJUMPAAN ITU IALAH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK DR LIM KENG YAIK, KETUA SETIAUSAHA NEGARA, TAN SRI SALEHUDDIN MOHAMAD, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, DATUK MOHAMED YUSOF HITAM DAN PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI BRITAIN DATUK MOH JAMALUDDIN.

DATUK DR MAHATHIR TIBA DI SINI DARI BRUSSELS PETANG SABTU DAN AKAN BERTOLAK KE NEW YORK RABU INI UNTUK BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB).

SEMASA DI NEW YORK BELIAU DIJANGKA MENEMUI BEBERAPA ORANG EDITOR AKHBAR UTAMA UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN NEGARA BERHUBUNG DENGAN PANDANGAN-PANDANGAN KRITIKAL DAN BERAT SEBELAH YANG SERING DIMUATKAN OLEH BEBERAPA AKHBAR TERTENTU. -- BERNAMA
1009MST 26 09 88